

Hadapi **cabaran.**

Kembangkan **perniagaan** anda.



ASEAN SME Academy

The screenshot shows a webpage for the ASEAN SME Academy. At the top, it says "ASEAN SME Academy". Below that, there's a banner for "Indonesia Training of Facilitators on the ASEAN SME Academy, 26 - 27 October 2016". The main content area features several colored boxes with text: "Start, Grow, Expand", "Business Plan", "Management", "Technology", "Trade & Logistics", and "Share Your Feedback". There are also small images of people and a globe.



USAID
FROM THE AMERICAN PEOPLE

 **US-ASEAN CONNECT**
partnering for sustainable, innovative, economic growth





ASEAN SME Academy

Hadapi **cabaran**. Kembangkan **perniagaan** anda.

Sama ada anda merupakan syarikat di peringkat permulaan, syarikat yang sedang berkembang atau syarikat yang telah sedia untuk mengeksport – ketahui cara-cara memajukan perniagaan anda melalui platform pembelajaran atas talian kami.

Akademi ini menyediakan latihan dan maklumat secara percuma mengenai sumber-sumber yang ada untuk memenuhi keperluan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang beroperasi di rantau ASEAN.



ASEAN SME Academy

Menyokong PKS di rantau ASEAN

PKS memainkan peranan penting dalam ekonomi Asia Tenggara. Ia mewakili lebih daripada 96% jumlah keseluruhan perusahaan, 50 – 95% pekerjaan dan 23 – 58% keluaran dalam negara kasar (KDNK).



ASEAN komited dalam mempromosikan pembangunan PKS dengan tujuan meningkatkan pertumbuhan, mengurangkan kadar kemiskinan dan memperbaiki pegangan ekuiti. Dalam hal ini, peningkatan daya saing, kestabilan dan ketahanan PKS menjadi faktor utama dalam menjamin penyertaan yang lebih besar di kalangan perusahaan untuk merebut

peluang-peluang ekonomi yang wujud daripada Komuniti Ekonomi ASEAN.

Namun begitu, masih banyak PKS yang sedang bergelut menghadapi cabaran serta mempunyai pengetahuan yang terhad mengenai cara-cara mengurus dan mengembangkan perniagaan.

Akademi ini menawarkan siri kursus latihan serta sumber-sumber untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana di ASEAN mempertingkatkan keupayaan diri untuk mengakses pembiayaan kewangan, bersaing di pasaran serantau dan antarabangsa, menggunakan maklumat dan khidmat nasihat serta menguasai teknologi dan inovasi.

Bahan-bahan atas talian yang disediakan membantu menyokong PKS pada tiga

peringkat: permulaan atau start-up, sedang berkembang dan sedia untuk mengeksport. Kursus latihan percuma ini boleh disesuaikan mengikut prestasi diri sendiri serta dirangka untuk menampung gaya dan objektif pembelajaran yang pelbagai. Senarai pembekal perkhidmatan perniagaan di bahagian sumber diselia mengikut negara agar anda boleh berhubung secara terus dengan pembekal perkhidmatan perniagaan PKS yang berkaitan.



Kerjasama dengan Syarikat-syarikat Terulung

Akademi ini menawarkan satu siri bahan latihan daripada syarikat-syarikat 'Fortune 500' yang merupakan ahli US-ASEAN Business Alliance serta penghubung kepada maklumat perniagaan di rantau ASEAN.

Sebagai tambahan, ia turut menggabungkan bahan latihan yang berfokuskan kepada PKS daripada organisasi serantau dan antarabangsa. Ini bermakna bahawa kursus latihan kami dirangka khas, disuai padan dan diuji untuk membantu anda mengembangkan perniagaan.

Pada ketika ini, bahan-bahan kursus disumbangkan oleh Baker & McKenzie, Facebook, Google, HP, ILO, Mastercard, Microsoft, Paypal dan P&G.



Ciri-ciri Akademi

Melalui Akademi ini, anda boleh mengakses tiga ciri-ciri berikut: **Latihan, Sumber dan Acara.**



Latihan: Kursus-kursus untuk PKS di setiap peringkat.

Akademi ini merangkumi pelbagai topik yang dapat membantu anda mengembangkan perniagaan, tidak kira saiz atau peringkat pembangunan.

Sama ada syarikat permulaan (start-up), perniagaan yang sedang berkembang atau syarikat yang telah sedia mengeksport, setiap orang mempunyai peluang pembelajaran di Akademi ini. Kursus-kursus kami diatur berasaskan dua faktor iaitu peringkat pembangunan dan subjek.

Sumber: Pembekal Perkhidmatan Mahir di Setiap Negara

Bahagian sumber Akademi ini menyenaraikan ratusan pembekal perkhidmatan meliputi kesemua 10 Ahli Negara ASEAN yang boleh membantu anda memajukan perniagaan.

Melalui Akademi ini anda boleh memilih jenis perkhidmatan yang diperlukan dan negara yang dikehendaki, seterusnya anda akan menerima senarai pembekal perkhidmatan yang boleh dihubungi secara terus untuk menyokong perniagaan anda.

Kebanyakan daripada pautan di sini menampilkan perkhidmatan yang berkaitan dengan syarikat milik wanita dan/atau syarikat yang dikendalikan oleh wanita di samping mengalakkan keusahawanan di kalangan wanita.

Topik:

- Penyedia Perkhidmatan Kewangan
- Pembangunan Modal Insan
- Akses Pasaran dan Pengantarabangsaan
- Dasar dan Peraturan
- Produktiviti, Teknologi dan Inovasi

Acara: Menghubungkan PKS ASEAN

Bahagian acara kami menampilkan kalendar acara berkaitan PKS yang dianjurkan di rantau ini.

Ini termasuk mesyuarat terkini, peluang latihan serta bengkel untuk membantu anda mengembangkan dan meluaskan syarikat anda. Sekiranya anda tidak berkelapangan untuk menghadiri acara-acara tersebut, bahan-bahan berkaitan seperti agenda, pembentangan dan video ada disediakan di Akademi.



Memulakan kursus

Bila-bila masa sahaja. Mengikut tahap kesesuaian anda. Percuma.


www.asean-sme-academy.org



Jenis-jenis Kursus yang Ditawarkan

1 **Daftar**
Mula dengan mendaftarkan diri dalam web. Ia pantas, mudah dan tidak memerlukan pengesahan e-mel.

Sebaik sahaja mendaftar, anda sedia untuk memulakan kursus.



Di bawah setiap kursus, terdapat penerangan ringkas termasuk bagaimana ia boleh membantu perniagaan anda.



2 Di bawah setiap kursus, terdapat penerangan ringkas termasuk bagaimana ia boleh membantu perniagaan anda.

Pilih latihan dan kursus yang dikehendaki

Di bawah tab 'LATIHAN', ahli-ahli berdaftar boleh mengakses kesemua kursus yang ditawarkan. Anda boleh memilih kursus berdasarkan jenis dan tahap. Anda juga boleh mengakses jenis kursus terus daripada halaman pertama (landing page).

Di bawah setiap kursus, terdapat penerangan ringkas termasuk bagaimana ia boleh membantu perniagaan anda.

3 **Ikuti kursus**
Setelah memutuskan kursus yang akan diikuti, klik pada butang 'Ambil Kursus Ini'.

Sesetengah kursus menyediakan kuiz untuk menguji kefahaman dan anda harus lulus sebelum pelajaran dapat diteruskan.

4 Untuk beberapa kursus yang terpilih, sijil akan diberikan setelah selesai kursus tersebut.

Penerangan kursus turut memperincikan bilangan pelajaran di bawah kursus tersebut.

5 **Pantau kemajuan anda.**
Di bawah tab 'Profil Saya', anda boleh melihat kursus-kursus yang telah dilakukan. Kursus yang telah dilengkapkan akan berwarna hijau.

Tandakan Program
Pada setiap pelajaran, anda boleh melihat gambaran keseluruhan pelajaran yang dipilih.

Setelah tamat satu pelajaran, jangan lupa klik butang 'Selesai' untuk meneruskan kursus.

Kursus yang telah dilengkapkan akan bertanda hijau untuk membantu anda memantau kemajuan.

Bagi sesetengah kursus, anda akan diminta melayari laman web lain. Klik 'Daftar' dan ikuti arahan.

Kisah daripada Fasilitator Akademi dan PKS

Sehingga kini, Akademi ini telah melatih lebih daripada **190** kakitangan dalam kalangan pembekal perniagaan PKS seperti persatuan perdagangan dan usahawan, institusi pendidikan, pembekal perkhidmatan pembangunan perniagaan, organisasi swasta dan agensi kerajaan yang menyokong pembangunan PKS di **Cambodia, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Filipina, Thailand** dan **Vietnam**.

Ini adalah sebahagian dari kisah mereka



Winston T. Singun

Chief, Trade and Industry Development Specialist
Department of Trade and Industry (DTI), Cagayan Provincial Office, Region 2

Philippines

"Akademi ini sangat membantu dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk keusahawanan. Melalui kursus-kursus yang ditawarkan, Akademi ini menjadi platform yang berguna bagi pemilik perniagaan dalam mempertingkatkan lagi kemahiran perniagaan mereka"

Sebagai Penyelaras Pusat Perkhidmatan Penuh Negosyo, adalah menjadi salah satu impian Winston untuk melihat PKS meningkatkan keupayaan mereka dalam mengembangkan perniagaan. Dengan siri kursus atas talian yang dirangka khas untuk PKS, Winston melihat Akademi ini sebagai wadah yang berkesan dalam mencapai matlamatnya.

Untuk menggalakkan lagi akses serta penggunaan Akademi, Winston telah membantu menguruskan latihan untuk jurulatih Penyelaras Pusat Negosyo dan Pegawai Majlis Perbandaran Perdagangan dan Industri dari DTI Wilayah 2.

Dua daripada latihan terawal disasarkan untuk organisasi yang menyokong usahawan wanita, dengan peserta yang terdiri daripada program bantuan sara hidup dan juga Persatuan Pavvurulunan OFW, iaitu sebuah persatuan bekas pekerja luar negara.

Latihan terakhir pada bulan Februari 2017 telah dihadiri oleh 52 perunding perniagaan dan pelatih PKS yang mewakili lima wilayah di Cagayan Valley. Selama dua hari,



mereka telah berkongsi pengalaman dan cabaran yang dihadapi dalam pembangunan PKS di samping meneliti bagaimana Akademi ini dapat membantu mereka.

Untuk melipat gandakan keberkesanan latihan, peserta telah memberikan komitmen untuk membantu PKS dalam rangkaian mereka sendiri. Di antara kursus-kursus yang ditawarkan, para peserta mendapati kursus Aspiring Entrepreneurs Training iaitu sebahagian daripada program 'Community Based Enterprise Development tool set' di bawah Akademi ini sebagai amat berguna dan berkesan.

Winston mendapati kursus ini sesuai diajar kepada perniagaan di peringkat akar umbi serta usahawan di sektor tidak formal mengenai bidang keusahawanan. Tambahan lagi, beliau mengesyorkan Latihan untuk 'Small Business Owners' bagi usahawan yang telah memulakan perniagaan masing-masing tetapi masih menghadapi cabaran.



Genoveva G. Ancheta (Eva)

Senior Trade and Industry
Development Specialist
Philippine Trade Training Centre
(PTTC)

Philippines

"Dengan kemudahan inkubasi yang baru dibangunkan untuk perniagaan permulaan (start-up), saya rasa Akademi ini boleh melengkapi pusat kami dengan lebih banyak kemahiran dan pengetahuan untuk membantu PKS melaksanakan mahupun memajukan perniagaan mereka."

Eva mempunyai pengalaman luas bekerjasama dengan PKS di Filipina. Jawatannya di PTTC membolehkan beliau membantu para usahawan untuk mengembang dan membangunkan perniagaan mereka melalui rangkaian program latihan PTTC yang luas, perkhidmatan pembangunan perniagaan, acara-acara perdagangan serta persidangan.

Dengan mengambil kira penggunaan internet dan evolusi teknologi yang pesat, Eva menumpukan usahanya untuk meningkatkan keupayaan PKS dalam menggunakan e-dagang. Bagi Eva, kursus latihan Akademi yang memberi tumpuan kepada e-dagang adalah komponen yang dapat melengkapkan program latihannya secara keseluruhan.

Pada bulan Disember 2016, PTTC telah mengendalikan satu latihan untuk jurulatih dengan memberi tumpuan kepada pemerkasaan wanita ke arah menggunakan





e-dagang secara berkesan. E-dagang memberi manfaat yang ketara kepada wanita kerana ia mempunyai kos tidak langsung (overhead) dan permulaan (setup) yang rendah serta membolehkan wanita menguruskan masa secara fleksibel berbanding dengan perniagaan konvensional.

Dalam kursus ini, seramai 15 wanita telah dilatih dalam asas-asas e-dagang untuk menukar perniagaan ke peringkat atas talian. Kursus ini merangkumi bengkel 'hands-on' oleh pengamal e-dagang mengenai penggunaan fan page Facebook dan Google sebagai langkah mudah untuk PKS memulakan operasi secara atas talian. Pada hari berikutnya, para peserta ini telah mengakses modul-modul yang relevan dari beberapa kursus atas talian termasuk modul Akademi mengenai Jualan Atas Talian, Pemasaran Media Sosial dan Pengukuhan Kedudukan Global Melalui Pemasaran Atas Talian. Berikutnya, peserta telah mendapat peluang membincangkan cabaran-cabaran dalam memulakan perniagaan dengan pengamal e-dagang.

Secara keseluruhan, kursus ini menyentuh isu-isu seperti asas-asas e-dagang dan pemasaran digital untuk PKS, sambil memberi kemahiran asas ICT kepada pelatih agar mereka turut mendapat manfaat dari kaedah e-pembelajaran. Sebagai langkah susulan, PTTC terus menghubungkan pelatih dengan institusi yang boleh memberikan sokongan tambahan seperti kemudahan komputer serta pembiayaan kewangan.



Socheata Touch

Managing Director for InspiredIn and Vice Chair of Capacity Building Committee for Cambodian Women Entrepreneurs Association (CWEA)

Cambodia

"Saya sangat yakin bahawa Akademi dapat memberi manfaat yang bagus kepada usahawan. Akademi ini dapat meluaskan pengetahuan dan kemahiran mereka tentang bagaimana cara-cara untuk meningkatkan perniagaan mereka dan membantu membina rangkaian merentasi sektor dan negara-negara di rantau ini."

Persatuan Usahawan Wanita Cambodia (CWEA) merupakan inisiatif Menteri Hal Ehwal Wanita di Cambodia, dengan misi untuk menggalakkan dan menyokong pertumbuhan perniagaan milik wanita di negara ini. Dalam membantu wanita memulakan dan memperluaskan perniagaan mereka, CWEA melalui Socheata telah menyertai Latihan Penyelaras Akademi PKS. Ini membolehkan beliau menggunakan kursus-kursus Akademi sebagai sebahagian daripada program latihan CWEA untuk usahawan wanita.

Sejak menjalani latihan pada tahun 2016, Socheata telah berkongsi pengetahuan beliau dengan tiga kumpulan yang berbeza iaitu 20 ahli CWEA di Phnom Penh, 25 usahawan wanita di Siem Reap dan 15 pelajar universiti dalam bidang pentadbiran perniagaan di Phnom Penh. Kebanyakan peserta ini adalah usahawan mikro wanita dalam industri perkhidmatan. Kursus kegemaran beliau





ialah 'Social Media Marketing' kerana ia membolehkan para peserta menerapkan secara langsung perkara yang dipelajari dalam perniagaan harian mereka.

Selain menyampaikan modul latihan Akademi, Socheata turut mengadakan sesi pencetusan idea (brainstorming) dan perbincangan dalam skop latihannya. Beliau meminta para peserta untuk berkongsi pengalaman dan cabaran yang dihadapi sebagai usahawan, supaya mereka dapat belajar antara satu sama lain. Beliau kemudian memimpin perbincangan tersebut dengan menggunakan kemahiran dan pengetahuannya sebagai penasihat perniagaan dan jurulatih.

Bagi Socheata, Akademi ini merupakan platform yang berguna bagi meningkatkan kapasiti PKS, setelah perbincangan dengan peserta. Sebagai contoh, seorang pemilik perniagaan wanita di Siam Reap memberitahu Socheata bahawa selepas latihan ini, beliau menggunakan Facebook untuk meningkatkan jualannya.



Sharon C. Soriano

President of Pavurulunan OFW Association

Philippines

"Latihan ini amat berguna. Saya ingin mengikuti lebih banyak kursus-kursus lain kerana ia boleh membantu saya mengendalikan perniagaan saya"

Sharon merupakan salah seorang peserta daripada latihan Jabatan Perdagangan dan Industri (DTI), Pejabat Wilayah Cagayan, Wilayah 2. Latihan ini merupakan kursus 'Aspiring Entrepreneurs', di mana para peserta menumpukan pada langkah-langkah mengembangkan kompetensi dalam memulakan perniagaan, seperti mengkaji semula prinsip-prinsip asas perniagaan produk, tempat, promosi dan harga, menilai idea perniagaan dan membangunkan strategi perniagaan.

Bersama dengan 50 bekas rakan sekerja di luar negara, Sharon telah mempelajari cara-cara memulakan perniagaan memproses daging dan roti. Peserta telah mempelajari langkah demi langkah bagaimana untuk memulakan perniagaan, membangunkannya dan mempromosikan produk mereka. Disebabkan oleh latihan secara terus, Sharon dapat memahami kursus dengan mudah dan terus dapat memulakan perniagaannya.

Sebaik sahaja tamat latihan, Sharon dan bekas rakan sekerjanya masing-masing memperolehi 10,000 Peso daripada program geran yang ditubuhkan untuk memberi peluang perniagaan kepada pekerja yang pulang dari luar negara. DTI dan Pusat Negosyo turut membantu mereka mendapatkan geran dengan menyediakan kertas cadangan di samping membantu dalam proses permohonan. Sharon telah menggunakan geran tersebut sebagai modal untuk memulakan perniagaan memproses daging beliau



Jesusa M. Abear (Jesse)

Senior Trade-Industry Development Specialist
DTI-Region 10, Northern Mindanao Provincial Office

Philippines

"Akademi memberi peluang kepada usahawan untuk belajar sendiri mengikut tahap prestasi diri sendiri. Ini memberi peserta kelonggaran untuk menjadualkan pembelajaran sambil terus mengusahakan perniagaan."

Sebagai penyelaras wilayah untuk Pusat Negosyo, Jesse sedang meninjau instrumen dan kaedah bagi meningkatkan kapasiti PKS di wilayahnya. Antara perkhidmatan yang disediakan termasuk: maklumat perniagaan serta sokongan menangan masalah pendaftaran dan pentadbiran. Di samping itu, beliau menyelaraskan latihan dan seminar perniagaan yang berkaitan dengan bidang keusahawanan."

Jessie mendapat Akademi ini amat membantu dalam menyokong PKS. Pada bulan Mac 2017, Jessie telah melatih 15 usahawan dalam pelbagai jenis perniagaan daripada industri perkhidmatan dan makanan untuk mengakses kursus di Akademi.

Kursus e-dagang merupakan salah satu kursus kegemaran beliau kerana para peserta dapat mempelajari dengan mudah tentang cara-cara menggunakan media sosial untuk mempromosikan produk mereka. Semasa latihan, Jesse telah mencadangkan para peserta agar menerapkan secara langsung apa yang dipelajari dan menjual produk mereka di Facebook kerana ianya percuma dan mempunyai ciri-ciri yang berfaedah. Walaubagaimanapun, satu cabaran yang dihadapi beliau adalah sambungan internet yang lemah kerana ia boleh membantutkan proses latihan.



Ly Huy

Director of SARW Construction and Interior Design and National Director of One-2-One Cambodia

Cambodia

"Saya gembira kerana terdapat ciri untuk mencari kursus mengikut subjek di Akademi ini supaya kita dapat memilih bidang kursus yang berkaitan untuk dipelajari."

Sejak dilatih untuk mengakses dan menggunakan Akademi ini pada bulan November 2016, Ly Huy telah berkongsi pengetahuan dengan rangkaian beliau. Beliau adalah ketua SARW, sebuah syarikat pembinaan, dan pengurus One-2-One, badan amal yang menyokong pelajar-pelajar muda di Cambodia yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti.

Ly Huy teruja dengan ciri-ciri Akademi yang membolehkan beliau mencari subjek tertentu untuk mengembangkan perniagaan yang sesuai dengan keperluan beliau. Dengan berbuat demikian, beliau boleh mengakses kursus-kursus tertentu dan kemudian mengikuti kandungannya mengikut kesesuaian prestasi sendiri.

Ly Huy juga percaya bahawa kursus-kursus Akademi ini dapat membantu pelajar One-2-One dalam mempersiapkan diri sebelum memulakan perusahaan mikro bagi menyalurkan rawatan pergilian dan perubatan selepas tamat pengajian kelak. Didorong oleh keyakinan sendiri, beliau telah melatih 20 pelajar untuk menggunakan Akademi ini.

Sebagai pengarah SARW, sebuah perniagaan pembinaan dan reka hias dalaman, beliau telah mengarahkan para pengurus untuk melayari Internet dan mencari kursus pemasaran dan perancangan perniagaan serta mendapatkan manfaat daripada media sosial.

Selepas mengikuti Kursus Meningkatkan Perniagaan anda melalui Facebook, pasukan beliau kini sedang mengendalikan pemasaran media sosial syarikatnya dengan lebih berkesan dengan menggunakan sepenuhnya ciri-ciri Facebook untuk meluaskan sasaran pasaran mereka.

Tambahan pula, Jabatan Sumber Manusia di syarikat beliau turut menggalakkan kakitangannya untuk mengikuti kursus-kursus atas talian bagi meningkatkan kemahiran secara berterusan. Baru-baru ini, kakitangan syarikat tersebut telah dinasihatkan agar mengikuti kursus-kursus di Akademi ini dalam bidang Pengurusan Inventori dan Aliran Tunai.



Masyhur

PLUT IT Consultant for the West Nusa Tenggara Cooperatives and Micro, Small and Medium Enterprises (KUMKM)

Indonesia

'Ciri yang menunjukkan status perkembangan kursus ini sangat berguna kerana apabila sebuah bab telah ditamatkan, satu tanda hijau akan menandakan status perkembangan keseluruhan kursus tersebut. Tambahan pula, kandungan yang disediakan oleh Akademi ini sungguh menakjubkan! Agak luarbiasa untuk sebuah syarikat menyediakan bahan yang sebegini.'

Dengan pengalaman beliau di bidang Teknologi Maklumat, Masyhur telah lama berhasrat ingin membantu peniaga-peniaga kecil di daerah Lombok untuk menjadi lebih bijak dari segi teknologi demi menangani cabaran kewangan yang dihadapi. Ketika menyertai Latihan Pemudahcara (Training of Facilitators) yang dianjurkan oleh Akademi di Jakarta pada bulan Oktober 2016, Masyhur telahpun berkecimpung di dalam program Sentra UKM, iaitu Pusat Layanan Usaha Berpadu atau PLUT, sebuah program di bawah Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah yang menyediakan perkhidmatan berintegrasi bukan kewangan kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana (UMKM) dan membantu mereka menjalankan usaha pemasaran yang lebih berkesan, meningkatkan produktiviti dan meluaskan capaian mereka kepada pembiayaan kewangan.

Masyhur menggemari peranan beliau sebagai pemudahcara dan bergiat di beberapa kampung di Lombok yang terkenal dengan pengeluaran produk khas, sama ada barang makanan, kraftangan atau produk etnik yang lain. Tidak lama kemudian, beliau telah berperanan menubuhkan enam Kampung UKM Digital untuk enam industri iaitu telur masin, bazar seni, tekstil tenun, mutiara, buluh dan tempurung kelapa. Kampung UKM Digital ini adalah pusat pembelajaran yang ditubuhkan hasil dari jalinan usahasama di antara Telkom, syarikat telekomunikasi terbesar di Indonesia dengan Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah. Kampung UKM Digital ini merupakan pusat sehenti untuk perniagaan kecil



yang membolehkan tukang kraf dan pengusaha di dalam industri-industri tersebut mendapatkan maklumat secara online, memasarkan produk mereka di samping menghubungkan perkampungan ini secara digital untuk memusatkan lagi perniagaan mereka.

Masyhur yakin bahawa Akademi ini merupakan sumber pengetahuan penting yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk di perkampungan digital PKS. Beliau juga menyanjung tinggi syarikat global terkemuka seperti Google, HP Life, Microsoft dan P&G kerana sanggup berkongsi pengetahuan mereka menerusi Akademi. Masyhur berasa gembira kerana pengusaha yang datang ke perkampungan digital ini berpeluang untuk belajar secara langsung daripada kemahiran syarikat global, yakni menerusi kursus-kursus yang disediakan oleh Akademi.

Berkat latihan yang diperolehi di Jakarta, Masyhur menjadi lebih yakin untuk menggunakan Kampung UKM Digital untuk menguruskan program latihan di dalam bidang Pengurusan Perniagaan dan e-Dagang, membantu mereka bentuk laman web, memelihara kesahihan produk dan perniagaan serta memaksimumkan manfaat aplikasi perakaunan secara online di samping membantu mempromosikan perniagaan mereka. Masyhur mula memberikan sesi bimbingan mingguan secara individu di perkampungan digital tersebut. Sehingga kini, beliau telah bekerja dengan 12 individu, kebanyakannya pemilik perniagaan kecil di bidang industri pemakanan. Sesi bimbingan yang merangkumi topik-topik mengikut keperluan peserta serta rangkaian luas topik-topik yang disediakan oleh Akademi menjadikan bimbingan secara individu ini satu kenyataan.



Wahyu Heniwati

Treasurer at the Business Development Services Association of Indonesia (ABDSI), Yogyakarta, Central Java

Indonesia

"PKS harus belajar menyesuaikan dan menggunakan teknologi baru mengikut tuntutan pasaran. Platform online ini mendorong saya dan PKS di persekitaran saya untuk mempelajari teknologi baru dan menjalani "gaya hidup digital" di era digital."

Wahyu Heniwati, atau turut dikenali sebagai Heni, menyedari serta-merta bahawa Akademi ASEAN SME (atau singkatannya Akademi) boleh memanfaatkan PKS yang disertainya di Daerah Bantul, Jawa Tengah. Heni yang berkhidmat di Persatuan ABDSI di Yogyakarta mulai tertarik dengan Akademi apabila mengetahui bahawa Akademi ini menyediakan kursus mengikut tahap perniagaan, sama ada dari tahap start-up atau tahap sedia mengeksport.

Heni secara luasnya bekerja dengan wanita yang memiliki perniagaan mikro dan kecil di 10 buah kampung di Daerah Bantul. Kebanyakannya berkecimpung di dalam perusahaan membuat snek seperti bakpia, iaitu satu juadah tempatan yang dibakar, ataupun terlibat di dalam industri membuat pelbagai jenis keropok. Wanita lain pula mengusahakan perniagaan batik. Setelah menjalani latihan di Jakarta, Heni memperkenalkan platform online ini kepada 25 pengusaha wanita khususnya kursus-kursus yang dianggap boleh memperkasa perniagaan wanita seperti kursus kewangan asas, kursus pemasaran dan pengurusan perniagaan serta kursus kepimpinan.

Satu cabaran besar yang dihadapi oleh usahawan wanita ialah mengimbangi di antara tanggungjawab harian di rumah serta menjalankan perniagaan, membuatkan mereka menghadapi kekangan masa untuk menjalani kursus-kursus seperti yang ditawarkan di Akademi.



Tambahan pula, ketiadaan capaian internet menyebabkan mereka tidak dapat menyertai kursus ketika masa terluang. Sebagai penyelesaian, Heni telah merangka satu panduan kursus yang berasaskan untuk mengetengahkan kursus-kursus yang berupaya memajukan perniagaan usahawan wanita seperti kursus kewangan asas dan kursus yang menekankan kemahiran membuat keputusan.

Untuk menangani isu capaian Internet pula, Heni telah menyediakan perbincangan berkumpulan mengenai kajian kes berdasarkan kursus-kursus yang diketengahkan di dalam panduan beliau. Ini membuktikan bahawa Heni bukan sahaja berjaya mengatasi cabaran ketiadaan Internet, tetapi juga telah menambah nilai serta menonjolkan kursus yang boleh menjayakan perniagaan usahawan wanita.

Walaupun bahasa pengantar adalah Bahasa Inggeris, Heni mendapati bahawa kandungan dan bahan kursus yang disediakan adalah mudah difahami. Pada pendapat beliau, Akademi ini boleh menjadi inspirasi kepada penggunaanya untuk mengambil kesempatan terhadap kehidupan di era digital. Walaupun usahawan wanita di kawasan itu menghadapi kesukaran meluangkan masa dan mempelajari teknologi baru, mereka bersifat terbuka terhadap kaedah-kaedah digital lain yang boleh memusatkan perniagaan mereka. Usahawan wanita ini berminat menggunakan media sosial seperti Facebook dan aplikasi pesanan segera silang platform untuk telefon pintar seperti Whatsapp.

Disokong oleh **Penyelaras Berkemahiran**

Akademi ini disokong oleh kumpulan fasilitator yang mahir yang bersedia membantu anda untuk menjalani kursus-kursus latihan dengan jayanya.



Fasilitator kami yang terlatih akan membantu anda mendapatkan manfaat sepenuhnya dari Akademi ini. Kami menggalakkan fasilitator kami untuk mengenali platform serta memahami manfaat kesemua ciri-ciri dalam Akademi ini. Fasilitator kami telah dihubungkan melalui Jaringan Brain Trust untuk berkongsi dan bertukar kepakaran serta pengalaman di peringkat operasi. Jika anda menghadapi masalah mengakses Akademi ini atau mahu melatih sekumpulan PKS mengenai cara-cara menggunakan Akademi, anda boleh mendapatkan sokongan fasilitator kami.

Malaysia ASEAN SME Academy Brain Trust



Kenny Lee

E. kenny@fmm.org.my
M. +6012 3833857



Mastered Courses:
- Legal Aspects of Cross-Border E-commerce
- Setting Prices



Andal Krishnan Narayanan

E. andalnara@gmail.com



Mastered Courses:
- Business Presentation
- Business Email
- Effective Presentations

Lai Ngan Yin

E. lainganyin@gmail.com
M. +60 102867690



Mastered Courses:
- Social Entrepreneurship



Ong Chee Tat

E. cityong@hotmail.com
M. +60 19 3362137



Mastered Courses:
- Strategic Planning



Intan Zanariah Hamdan

E. izanariah@smeCorp.gov.my
M. +6017 6444 374



Mastered Courses:
- Minimizing the Risk of Fraud
- Strengthening Global Presence through Online Marketing



Esmawady Mohd Esa

E. esma@smeCorp.gov.my
M. +6016 218 8175



Mastered Courses:
- Legal Aspects of Cross-Border E-commerce
- Minimizing the Risk of Fraud
- Connecting Global Commerce
- IT for Business Success
- Strengthening Global Presence through Online Marketing



**Noor Azzam Bin
Yaazizul Ghafar**

E. azzam@smecorp.gov.my
M. +6019 210 3240



Mastered Courses:
- Basics of Finance
- Marketing Benefits vs Features



**Tengku Azilah binti
Tengku Ab. Aziz**

E. azilah@smecorp.gov.my
M. +603 277 56000



Mastered Courses:
- Cash Flow
- Selling Online
- Setting Prices

Ismail Bin Hashim

E. ismailh@smecorp.gov.my
M. + 6019 334 4995



Mastered Courses:
- Basics of Finance
- Boost Your Business with Facebook



**Mohamad Firdhouse
Mohamad Tajuddin**

E. firdhouse@smecorp.gov.my



Mastered Courses:
- Effective Leadership
- Your Target Audience
- Business Email



Wan Jusaini Rizal

E. wj.rizal@smecorp.gov.my



Mastered Courses:
- Your Target Audience



**Nor Hidayah Binti
Mohamed Shaffril**

E. hidayah@smecorp.gov.my



Mastered Courses:
- Unique Value Proposition





Masnani Haji Bashirun

E. [masnani@smecorp.gov.my](mailto:E.masnani@smecorp.gov.my)



Mastered Courses:
- Effective Leadership
- Your Target Audience



Nur Khatijah Mohamed Ali

E. [khatijah@smecorp.gov.my](mailto:E.khatijah@smecorp.gov.my)



Mastered Courses:
-

Muhammad Ibrahim

E. [muhamad@smecorp.gov.my](mailto:E.muhamad@smecorp.gov.my)
M. +6019 664 6407



Mastered Courses:
- Hiring Staff
- Strategic Planning
- Connecting Global Commerce



Ahmad Mu'izz Bin Mohd Yusof

E. [muizzyusof@smecorp.gov.my](mailto:E.muizzyusof@smecorp.gov.my)
M. +60 19 3808712



Mastered Courses:
- Cash Flow
- Setting Prices
- Effective Business Websites
- Effective Presentations



Muhamad Zumar Bin Zainudin

E. [zumar@smecorp.gov.my](mailto:E.zumar@smecorp.gov.my)
M. +6019 664 6093



Mastered Courses:
- Profit and Loss
- Boost Your Business with Facebook



Saidatul Farrah

E. [saidatul.farrah@smecorp.gov.my](mailto:E.saidatul.farrah@smecorp.gov.my)



Mastered Courses:
- Effective Leadership
- Strengthening Global Presence through Online Marketing

Atirah Bt. Abd. Rahim



Mastered Courses:

- Hiring Staff

E. atirahabdrahim@yahoo.com



Nurfitri Amir Bin Muhammad



Mastered Courses:

- Hiring Staff
- Your Target Audience
- Connecting Global Commerce

E. nfitriamir@gmail.com

M. +6013 7069509



Mohd Syarol Azuan Bin Zakaria



Mastered Courses:

- Boost Your Business with Facebook
- Business Email
- Effective Leadership

E. azuan@smecorp.gov.my



Muhd Hamdi Salleh



Mastered Courses:

- Setting Prices
- IT for Business Success

E. hamdi@smecorp.gov.my



Mohd Afizal Mohd Radzi



Mastered Courses:

- Sales Forecasting
- Unique Value Proposition

E. afizalradzi@yahoo.com

M. +60164145277







ASEAN SME Academy

www.asean-sme-academy.org



The ASEAN SME Academy is a multi-stakeholder effort under the US-ASEAN Business Alliance for Competitive SMEs, a collaboration among USAID, the US-ASEAN Business Council and ASEAN, and ASEAN's support is through the ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprises.